

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Selepas memperolehi data daripada sampel, langkah seterusnya yang dilakukan oleh pengkaji ialah menganalisis data tersebut. Untuk tujuan ini, bab ini membincangkan keputusan analisis data yang terkumpul berdasarkan soalan ujian yang telah dijalankan.

Dapatan kajian diuraikan dalam 3 bahagian. Dalam bahagian pertama, berdasarkan analisis data secara keseluruhan, soalan dengan peratus kekerapan kesilapan yang tinggi dikenal pasti. Seterusnya dalam bahagian kedua kesilapan yang dikenal pasti diklasifikasikan mengikut kategori kata kerja. Dalam bahagian ketiga penjelasan tentang kesilapan tersebut dibuat.

4.2 Mengenal pasti Kesilapan

4.2.1 Peratus Kesilapan Secara Keseluruhan

Satu skala gred dibina untuk menentukan tahap kesukaran setiap soalan dan skala tersebut disusun daripada hiraki peratus kesilapan yang rendah kepada yang tinggi. Soalan yang mencapai peratus kesilapan yang tinggi akan dianggap sebagai kesilapan serius di mana soalan berkenaan dianggap sebagai sukar untuk dikuasai oleh pelajar manakala soalan dengan pencapaian yang rendah dianggap sebagai mudah untuk

dikuasai. Skala gred yang digunakan adalah seperti di bawah:

JADUAL 7: Skala gred

Peratus Kesilapan (%)	Tahap
0-20	Amat Baik
21-40	Baik
41-50	Sederhana
51-60	Lemah
61-100	Amat Lemah

Skala ini digunakan oleh pengkaji sebagai panduan untuk menganalisis tahap penguasaan pelajar berdasarkan kesilapan kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun dalam ujian yang telah dijalankan.

Peratusan pencapaian bagi setiap soalan dibuat berdasarkan kekerapan jawapan yang salah kerana tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti soalan yang mendapat peratus kesilapan yang tinggi. Kesilapan dikira serius jika peratus kesilapan adalah 51% ke atas.

Jadual 8 di muka surat sebelah menunjukkan peratus kesilapan secara keseluruhan bagi setiap soalan.

JADUAL 8: Peratus kekerapan kesilapan keseluruhan

Soalan	% sampel yang salah menjawab	Soalan	% sampel yang salah menjawab
1.	37.5	21.	35.0
2.	12.5	22.	45.0
3.	60.0	23.	50.0
4.	45.0	24.	47.5
5.	37.5	25.	45.0
6.	67.5	26.	37.5
7.	55.0	27.	0
8.	62.5	28.	45.0
9.	57.5	29.	57.5
10.	60.0	30.	45.0
11.	27.5	31.	50.0
12.	62.5	32.	32.5
13.	40.0	33.	27.5
14.	55.0	34.	57.5
15.	17.5	35.	40.0
16.	57.5	36.	55.0
17.	45.0	37.	62.5
18.	67.5	38.	42.5
19.	40.0	39.	42.5
20.	40.0	40.	72.5

Daripada data yang dikumpul, didapati peratus kesilapan tertinggi ialah 72.5% diikuti dengan 14 soalan yang mencapai peratus kesilapan melebihi 50%. Data ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menghadapi masalah menguasai penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif. Bagaimanapun pengkaji memutuskan bahawa soalan 27 tidak diambil kira kerana pilihan soalan yang kabur.

Berdasarkan skala gred yang diguna, satu peratusan pencapaian mengikut tahap dicari.

Peratus Kesilapan (%)	Tahap	Peratus Pencapaian (daripada 40 soalan)
0-20	Amat Baik	5.0%
21-40	Baik	30.0%
41-50	Sederhana	27.5%
51-60	Lemah	22.5%
61-100	Amat Lemah	15.0%

Merujuk kepada maklumat di atas, 15% daripada soalan merupakan soalan di mana tahap penguasaannya amat lemah sementara 22.5% merupakan tahap penguasaan lemah. Ini bermakna 37.5% daripada 40 soalan berada pada tahap kesilapan serius (51-100%).

Sebanyak 27.5% daripada jumlah 40 soalan berada pada tahap sederhana (iaitu dalam lingkungan peratus kesilapan 41-50%), 30% berada pada tahap baik (iaitu dalam lingkungan peratus kesilapan 21%-40%) dan 5% berada pada tahap amat baik dengan kesilapan minima sebanyak 0-20% kesilapan. Ini jelas menunjukkan bahawa penguasaan sampel terhadap struktur kata kerja transitif dan tak transitif masih lemah.

4.2.2 Peratus Kekerapan Kesilapan

Bagi mendapatkan peratus kekerapan kesilapan, data dari peratus keseluruhan disusun semula mengikut peratus kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar daripada hiraki tertinggi ke hiraki terendah. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan proses mengenal pasti tahap penguasaan pelajar dalam kata kerja transitif dan tak transitif.

JADUAL 9: Peratus kekerapan kesilapan mengikut hiraku

Soalan	Peratus Kekerapan Kesilapan yang ketara	Soalan	Peratus Kekerapan Kesilapan yang ketara
40	72.5	22	45.0
6	67.5	25	45.0
18	67.5	28	45.0
8	62.5	30	45.0
12	62.5	38	42.5
37	62.5	39	42.5
3	60.0	13	40.0
10	60.0	19	40.0
9	57.5	20	40.0
16	57.5	35	40.0
29	57.5	1	37.5
34	57.5	5	37.5
7	55.0	26	37.5
14	55.0	21	35.0
36	55.0	32	32.5
23	50.0	11	27.5
31	50.0	33	27.5
24	47.5	15	17.5
4	45.0	2	12.5
17	45.0	27	0

■ Peratus kekerapan kesilapan yang ketara

Daripada data di atas, peratus kekerapan yang mencapai 51% ke atas dikenal pasti sebagai soalan yang mempunyai kekerapan kesilapan yang tinggi (yang dihitamkan).

Hasil analisis di atas menunjukkan bahawa:

1. Sampel kajian menghadapi masalah menguasai penggunaan sesetengah kata kerja transitif dan tak transitif.
2. Dari jumlah 40 soalan, 15 soalan telah dikenal pasti sebagai soalan yang sukar dikuasai oleh pelajar-pelajar.
3. Kesilapan yang paling ketara ialah soalan 40 diikuti oleh soalan 6 dan 18.

Pada keseluruhannya, penguasaan kata kerja transitif dan tak transitif di kalangan pelajar Melayu didapati kurang memuaskan.

4.3 Klasifikasi Kesilapan

Dengan berdasarkan data yang diperolehi di atas, 15 soalan dengan peratus kekerapan kesilapan yang tinggi diasingkan dan diklasifikasikan kepada 10 kategori kata kerja transitif dan tak transitif (rujuk Bab 3, mukasurat 35). Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat tentang golongan atau kategori kata kerja yang menimbulkan masalah kepada sampel (Jadual 10).

JADUAL 10: Peratus kekerapan kesilapan mengikut klasifikasi kategori

Kategori	Bil soalan asal	Bil soalan dengan % kesilapan >51%)
A1 -aru : -eru	4	2
A2 -aru : -u	4	0
B1 -reru : -su	4	0
B2 -reru : -ru	4	3
C1 -ru : -su	4	2
C2 -eru : -asu	4	1
C3 -u : -asu	4	1
C4 -iru : -osu	4	0
D1 -u : -eru	4	3
D2 -eru : -u	4	3
JUMLAH	40	15

Ruang bilangan soalan dengan peratus kesilapan lebih 51% merujuk kepada soalan yang mendapat peratus kekerapan kesilapan yang lebih daripada 51%.

Contohnya bagi kategori kata kerja A1 (*-aru* : *-eru*), 2 daripada 4 soalan yang diberikan mendapat peratus kekerapan kesilapan yang tinggi.

Daripada klasifikasi di atas, didapati 15 soalan dengan peratus kekerapan kesilapan yang tinggi merangkumi 7 kategori kata kerja. Analisis ini juga menunjukkan bahawa 3 kategori kata kerja iaitu kategori kata kerja A2 (*-aru* : *-u*), B1 (*-reru* : *-su*) dan C4 (*-iru* : *-osu*) tidak menimbulkan masalah dalam penguasaannya. 7 kategori kata kerja yang dikenal pasti disenaraikan di bawah (berdasarkan kepada bilangan soalan dengan peratus kekerapan kesilapan yang tinggi).

- | | | | |
|----|----|-------------------------------|----------|
| 1. | D1 | (<i>-u</i> : <i>-eru</i>) | 3 soalan |
| 2. | D2 | (<i>-eru</i> : <i>-u</i>) | 3 soalan |
| 3. | B2 | (<i>-reru</i> : <i>-ru</i>) | 3 soalan |
| 4. | A1 | (<i>-aru</i> : <i>-eru</i>) | 2 soalan |
| 5. | C1 | (<i>-ru</i> : <i>-su</i>) | 2 soalan |
| 6. | C2 | (<i>-eru</i> : <i>-asu</i>) | 1 soalan |
| 7. | C3 | (<i>-u</i> : <i>-asu</i>) | 1 soalan |

Merujuk kepada data di atas, jelas didapati bahawa kategori kata kerja B2, D1 dan D2 merupakan golongan kata kerja yang paling sukar dikuasai dengan 3 dari 4 soalan mendapat peratus kekerapan kesilapan yang tinggi. Kategori kata kerja berikutnya ialah kategori kata kerja A1 dan C1 dengan 2 daripada 4 soalan mendapat peratus yang tinggi dikuti oleh kategori kata kerja C2 dan C3 dengan 1 dari 4 soalan ujian mendapat peratus kekerapan kesilapan yang tinggi.

Merujuk kepada jadual 10, jelas didapati bahawa kategori kata kerja A2, B1 dan C4 merupakan golongan kata kerja yang kurang menimbulkan masalah kepada sampel.

4.4 Menjelaskan Kesilapan

Daripada dapatan analisis di atas, penjelasan tentang punca berlakunya kesilapan dalam penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif dibuat ke atas 15 soalan mengikut kategori kata kerja yang telah diklasifikasikan.

4.4.1 Kategori Kata Kerja -u : -eru dan -eru : -u (D1 dan D2)

Pada kategori kata kerja D1 dan D2, 4 soalan (setiap kategori) yang diutarakan adalah seperti berikut:

JADUAL 11: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori D1)

No.	Kategori kata kerja D1 (-u: -eru)	% kesilapan
12.	あそこに（ ）ビルは、どこの会社が契っていますか。 Jawapan: 建った	62.5%
14.	この鳥は病気なので、うまく（ ）かどうかわかりません。 Jawapan: 育つ	55.0%
36.	お金を拾ったとき警察に（ ）が。 Jawapan: 届けます	55.0%
17.	このかばん、物がたくさん（ ）から、便利なんです。 Jawapan: 入る	45.0%

JADUAL 12: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori D2)

No.	Kategori kata kerja D2 (-eru: -u)	% kesilapan
40.	クッキーが（ ）から、お茶にしましょう。 Jawapan: 焼けた	72.5%
3.	靴が（ ）。 Jawapan: 脱げた	60.0%
29.	最近、毛がよく（ ）。 Jawapan: 抜ける	57.5%
22.	この魚は（ ）より焼いた方がおいしいです。 Jawapan: 煮る	45.0%

Pada kategori kata kerja D1 dan D2, akhiran *-u* dan *-eru* berada di dalam keadaan yang berlawanan. Pada kategori kata kerja D1 akhiran *-u* merupakan kata kerja tak transitif manakala akhiran *-u* pada kategori kata kerja D2 merupakan kata kerja transitif.

Pasangan kata kerja transitif dan tak transitif yang digunakan dalam soalan ujian adalah seperti berikut:

JADUAL 13: Perbandingan antara kata kerja D1 dan D2 (dalam ujian)

Kategori kata kerja D1 (-u: -eru)		Kategori kata kerja D2 (-eru: -u)	
Tak Transitif	Transitif	Tak transitif	Transitif
<i>Tats-U</i>	<i>Tat-ERU</i>	<i>Yak-ERU</i>	<i>Yak-U</i>
<i>Sodats-U</i>	<i>Sodat-ERU</i>	<i>Nuk-ERU</i>	<i>Nuk-U</i>
<i>Todok-U</i>	<i>Todok-ERU</i>	<i>Ni-ERU</i>	<i>Nir-U</i>
<i>Hair-U</i>	<i>Ir-ERU</i>	<i>Nug-ERU</i>	<i>Nug-U</i>

Seperti yang terdapat dalam jadual di atas, pada kategori D1, kata kerja dengan akhiran *-eru* termasuk dalam golongan **kata kerja transitif** manakala pada kategori kata kerja D2, kata kerja dengan akhiran yang sama termasuk dalam golongan **kata kerja tak transitif**.

Jadual di muka surat sebelah akan menunjukkan gambaran yang lebih jelas tentang pasangan kata kerja transitif dan tak transitif.

JADUAL 14: Perbandingan antara kata kerja D1 dan D2 (umum)

D1 (-u: -eru)	D2 (-eru: -u)
Transitif (他動詞)	Tak transitif (自動詞)
<i>Ak-ERU</i>	<i>Yak-ERU</i>
<i>Tsuk-ERU</i>	<i>Nuk-ERU</i>
<i>Tsuzuk-ERU</i>	<i>Kak-ERU</i>
<i>Katamuk-ERU</i>	<i>Tok-ERU</i>
<i>Todok-ERU</i>	<i>Hodok-ERU</i>
<i>Chikazuk-ERU</i>	<i>Nug-ERU</i>

D1 (-u: -eru)	D2 (-eru: -u)
Tak transitif (自動詞)	Transitif (他動詞)
<i>Yak-U</i>	<i>Ak-U</i>
<i>Nuk-U</i>	<i>Tsuk-U</i>
<i>Kak-U</i>	<i>Tsuzuk-U</i>
<i>Tok-U</i>	<i>Katamuk-U</i>
<i>Hodok-U</i>	<i>Todok-U</i>
<i>Nug-U</i>	<i>Chikazuk-U</i>

Merujuk kepada corak akhiran kata kerja dalam jadual 14, jelas didapati bahawa kedudukan akhiran bagi kategori kata kerja D1 dan D2 adalah bertentangan.

Sampel menghadapi masalah menguasai kata kerja dalam kedua-dua kategori ini disebabkan oleh kedudukan akhiran yang mengelirukan. Dua kemungkinan besar punca kesilapan ialah generalisasi melampau ataupun andaian konsep yang salah oleh sampel. Kata kerja seperti *akeru* ↔ *aku*, *tsukeru* ↔ *tsuku* merupakan pasangan kata

kerja transitif dan tak transitif yang diperkenalkan pada peringkat elementari. Dengan berasaskan maklumat ini pelajar telah membina satu formula atau rumusan bahawa akhiran *-eru* menandakan kata kerja transitif dan seterusnya mengaplikasikan formula tersebut bagi setiap kata kerja baru yang dipelajari kemudiannya. Jelas di sini bahawa kesilapan ini adalah kesilapan intralingual dan bukan hasil daripada gangguan bahasa ibunda.

4.4.2 Kata Kerja *-reru : -ru* (B2)

Pada kategori kata kerja B2, 4 soalan yang diutarakan adalah seperti berikut:

JADUAL 15: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori B2)

No.	Kategori kata kerja B2 (-reru: -ru)	% kesilapan
10.	山田: あの時の写真どうでしたか。 ナニ: ああ、よく()いますよ。 Jawapan: とれて	60.0%
16.	今一番よく()いる本はどんな本ですか。 Jawapan: 売れて	57.5%
7.	足の骨が()歩けない。 Jawapan: 断れて	55.0%
4.	窓ガラスを()のはだれですか。 Jawapan: 削った	45.0%

Berkaitan dengan kata kerja *-reru : -ru* di atas, 3 daripada 4 soalan berada pada tahap peratus kesilapan yang serius. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar menghadapi kesukaran dalam menguasai jenis kata kerja *-eru : -u*.

Bagi soalan 10, 16 dan 7, kata kerja tak transitif merupakan jawapan yang betul tetapi pelajar lebih cenderung untuk memilih kata kerja transitif. Kata kerja transitif

toru (mengambil), *uru* (menjual) dan *oru* (mematahkan) merupakan kata kerja asas yang diperkenalkan pada peringkat elementari. Dengan itu, pelajar lebih biasa dengan bentuk kata kerja transitif dan kurang yakin dengan penggunaan bentuk tak transitif bagi kata kerja berkenaan. Kefahaman pelajar terhadap kata kerja transitif pada kategori ini lebih mantap berbanding dengan kefahaman mereka terhadap kata kerja tak transitif.

Selain daripada itu, jika diperhatikan, kata kerja tak transitif *toreru*, *ureru* dan *oreru* menyerupai bentuk kata kerja kemampuan (可能形) bagi kata kerja transitif *toru*, *uru* dan *oru*. Ketiga-tiga kata kerja *toreru*, *ureru* dan *oreru* ini membawa maksud yang berbeza bergantung kepada ayat. Seperti contohnya, kata kerja *ureru* boleh membawa maksud ‘dijual’ ataupun ‘boleh jual’. Faktor ini menyebabkan pelajar keliru tentang bentuk kata kerja tak transitif tersebut.

4.4.3 Kata Kerja -aru : -eru (A1)

JADUAL 16: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori A1)

No.	Kategori kata kerja A1 (-aru : -eru)	% kesilapan
18.	一年ほど外国へ出張することになったんですが、その間、私の車を()くれる人はいないでしょうか。 Jawapan: 掛かって	67.5%
9.	もう 3 年も、イタリア語の辞書を探していますが()。 Jawapan: 見つかりません	57.5%
5.	私は去年結婚して名前が()んです。 Jawapan: 変わった	45.0%
39.	日本では何時になると銀行は()か。 Jawapan: 閉まります	42.5%

Kategori kata kerja A1 (*-aru*:*-eru*) merupakan kategori kata kerja yang terbesar berbanding dengan kategori lain. Secara am, pada kategori ini akhiran *-eru* atau *-aru* menentukan sama ada sesuatu kata kerja itu adalah kata kerja transitif atau kata kerja tak transitif: akhiran *-eru* menunjukkan kata kerja transitif dan akhiran *-aru* menunjukkan kata kerja tak transitif.

Bagaimanapun, bagi soalan 18, kedua-dua kata kerja *azukeru* dan *azukaru* merupakan pasangan kata kerja yang membawa erti yang berlawanan. Selain daripada itu, kedua-duanya memerlukan partikel *o*. Menurut Yoshikawa (1989), pasangan kata kerja ini tidak boleh dianggap sebagai pasangan kata kerja transitif dan tak transitif yang sebenar.

Pelajar sering keliru dengan penggunaan pasangan kata kerja ini disebabkan oleh bentuknya yang menyerupai pasangan kata kerja *-aru* : *-eru* yang lain tetapi tidak berfungsi seperti pasangan kata kerja transitif dan tak transitif. Pada kebiasaannya pasangan kata kerja membawa erti akar yang sama; contohnya pasangan kata kerja *akeru* dan *aku* kedua-duanya masing-masing membawa erti membuka dan terbuka. Maksud asal kedua-dua kata kerja ini sama walaupun fungsi dalam ayat berubah disebabkan oleh akhiran yang menentukan sama ada ianya kata kerja transitif atau tak transitif.

Sebaliknya, pasangan kata kerja *azukeru* : *azukaru* kelihatan seperti satu pasangan kata kerja walaupun maksud perkataannya adalah berlawanan. *Azukeru* bererti ‘memberi sesuatu barang kepada seseorang untuk dijaga’ sementara *azukaru* bererti ‘menerima sesuatu barang daripada seseorang untuk dijaga’. Ini bermakna pelaku atau pembuat kata kerja tersebut adalah dua orang yang berbeza seperti ternyata dalam contoh ayat di bawah.

(a) *Hayashisan wa Arisan ni okane o azuketa.*

Erti: Encik Hayashi memberi wang kepada Encik Ali untuk disimpan.

(b) *Arisan wa Hayashisan kara okane o azukatta.*

Erti: En. Ali menerima wang dari Encik Hayashi untuk disimpan.

Antara kata kerja lain yang mempunyai ciri-ciri seperti kata kerja ini ialah *kasu* ↔ *kariru* (meminjamkan ↔ meminjam) dan *kau* ↔ *uru* (membeli ↔ menjual). Bagi kata kerja seperti *kasu* ↔ *kariru* dan *kau* ↔ *uru*, pelajar tidak keliru kerana bentuknya yang berbeza sama sekali. Pelajar mempelajari dan mengingati maksud perkataan-perkataan berkenaan secara berasingan. Tetapi bagi kata kerja *azukeru* dan *azukaru*, pelajar menghadapi masalah membezakan kedua-duanya kerana terikat dengan bentuk yang mirip kepada pasangan kata kerja transitif dan tak transitif. Ini adalah kerana pada peringkat awal ketika pelajar didedahkan kepada pasangan kata kerja *-aru* : *-eru* ini, pelajar telah membina satu rumusan dan selepas itu cuba mengaplikasikannya kepada semua pasangan kata kerja yang muncul dalam bentuk ini.

the first time in the history of the world, the people of the United States have been compelled to make a choice between two political parties, each of which has a distinct and well-defined platform.

Bagi soalan 9 pula, pasangan kata kerja *mitsukeru* (menjumpai) dan *mitsukaru* (terjumpa) berbeza daripada pasangan kata kerja yang lain dari segi maksud kata kerja tak transitifnya. Berbeza dengan kata kerja tak transitif yang lain, *mitsukaru* mencakupi erti pasif. Antara kata kerja lain yang mempunyai ciri-ciri pasif ini termasuklah *ukaru* (lulus), *tasukaru* (terselamat) dan *tsukamaru* (tertangkap).

Punca mengapa pelajar memilih jawapan *mitsukeru* adalah kerana struktur ayat itu sendiri.

- (a) もう 3 年も、イタリア語の辞書を 探し ていますが 見つかりません。

(b) Selama tiga tahun saya mencari kamus bahasa Itali tetapi tidak terjumpanya.
(Salah)

(c) Selama tiga tahun saya mencari kamus bahasa Itali tetapi tidak menjumpainya.
(Betul)

Ayat (b) merupakan terjemahan yang mematuhi maksud dalam ayat (a). Bagaimanapun dalam bahasa Melayu, jika dibandingkan kedua-dua ayat (b) dan (c), ayat (c) adalah lebih sesuai dan betul dari segi nahu. Oleh itu ramai pelajar menghadapi masalah memilih di antara *mitsukaru* (terjumpa) dan *mitsukeru* (menjumpai). Pelajar memilih kata kerja transitif kerana di dalam struktur ayat bahasa Melayu, ‘mencari kamus’ dan ‘tidak menjumpainya’ merupakan susunan ayat yang lebih logik daripada ‘mencari kamus’ dan ‘tidak terjumpanya.’

Jelas di sini bahawa kesilapan ini disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda atau kesilapan interlingual.

4.4.4 Kata Kerja *-ru : -su* (C1)

JADUAL 17: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori C1)

No.	Kategori kata kerja C1 (<i>-ru : -su</i>)	% kesilapan
8.	この電車は名古屋を()伊勢へ行きます。 Jawapan: 通って	62.5%
34.	信号が青に変わったら () ください。 Jawapan: 渡って	57.5%
13.	妹が帰ってきますから、このケーキは半分 () 。 Jawapan: 残しておきましょう	40.0%
19.	この写真、なおこさんの後ろに変な人が () いますよ。 Jawapan: 写って	40.0%

Bagi soalan 8, kata kerja *tooru* merupakan kata kerja tak transitif tetapi disebabkan susunan struktur ayat di mana partikel *o* muncul sebelum kata kerja, secara otomatis pelajar membuat andaian bahawa jawapan yang betul adalah kata kerja transitif *toosu*.

Berbeza dengan bahasa Melayu, penggunaan kata kerja bahasa Jepun banyak dipengaruhi oleh penggunaan partikel. Kata kerja bahasa Jepun tidak dapat berdiri tanpa partikel kerana partikel menentukan perbezaan maksud sesuatu ayat. Secara amnya, kata kerja transitif ditakrifkan sebagai kata kerja yang memerlukan partikel *o* dan kata kerja tak transitif memerlukan partikel *ga*.

Penekanan ini biasanya dibuat dari peringkat awal kerana penggunaan partikel bahasa Jepun merupakan satu perkara yang rumit. Bagaimanapun, seperti mana-mana sistem bahasa yang lain, pengecualian peraturan bahasa Jepun juga tidak dapat dielakkan. Pengecualian yang dimaksudkan ialah walaupun kata kerja transitif memerlukan partikel *o*, terdapat sebahagian daripada kata kerja tak transitif yang juga memerlukan partikel *o*. Kata kerja tak transitif ini dikenali sebagai kata kerja gerakan (通過動詞). Ramai pelajar keliru dalam penggunaan kata kerja ini kerana kewujudan partikel *o*.

Begitu juga dengan soalan 34. Dalam soalan ini, kata kerja gerakan juga digunakan tetapi perkara yang berbeza di sini adalah partikel *o* bagi kata kerja ini digugurkan. Dengan itu, pelajar terpaksa bergantung kepada maklumat yang terdapat pada ayat itu sendiri. Disebabkan ketiadaan partikel *o* untuk menimbulkan kekeliruan di kalangan pelajar, peratus kesilapan bagi soalan 34 (57.5%) berkurangan berbanding dengan soalan 8 (62.5%). Jelas di sini bahawa kewujudan partikel *o* lebih mengelirukan jika dibandingkan dengan ketiadaan partikel berkenaan.

Kesimpulannya di sini, kesilapan pelajar adalah disebabkan oleh generalisasi melampau di mana pelajar membuat andaian bahawa semua partikel *o* memerlukan kata kerja transitif.

4.4.5 Kategori Kata Kerja *-eru : -asu* dan *-u : -asu* (C2 dan C3)

JADUAL 18: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori C2)

No.	Kategori kata kerja C2 (<i>-eru : -asu</i>)	% kesilapan
6.	まだ一人来ていないので出発の時間を 30 分 ()。 Jawapan: 遅らしましよう	67.5%
38.	早く食べないとこのアイスクリームが () しまい ますよ ()。 Jawapan: 溶けて	42.5%
35.	子供が熱があるので、タオルで頭を ()。 Jawapan: 冷やした	40.0%
1.	お金を () のは難しいですね。 Jawapan: 増やす	37.5%

JADUAL 19: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori C3)

No.	Kategori kata kerja C3 (<i>-u : -asu</i>)	% kesilapan
37.	このような事実に () 見れば彼の説は正しいこと が分かる。 Jawapan: 照らして	62.5%
11.	すみません。このテーブルはじやまですから、 () ください。 Jawapan: 動かして	27.5%
33.	お湯を () お茶を入れましょう。 Jawapan: 沸かして	27.5%
15.	今日はいい天気なので、ものがすぐ、 ()。 Jawapan: 乾きます	17.5%

Pada amnya, semua kata kerja akhiran *-su*, sama ada pada kategori B1 (*-eru : -su*), C1 (*-ru : -su*), C2 (*-eru : -asu*), C3 (*-u : -asu*) atau pada kategori C4 (*-iru : -osu*) adalah merupakan kata kerja transitif. Dengan ini, pelajar seharusnya tidak mempunyai masalah untuk membezakan kata kerja transitif dan tak transitif pada kelima-lima kategori ini. Ini menjelaskan mengapa pencapaian bagi empat kategori (kecuali kategori C1) ini baik berbanding dengan kategori lain.

Dapatan pada analisis peratus kekerapan kesilapan menunjukkan bahawa kategori B1 dan C4 tidak banyak menimbulkan masalah kepada pelajar. Walaupun pada kategori C3 dan C4 terdapat satu soalan setiap kategori yang mendapat peratus kekerapan kesilapan yang tinggi, pada keseluruhannya pencapaian pelajar boleh dianggap baik.

Soalan yang menimbulkan kekeliruan kepada pelajar adalah soalan 6 dan 37. Melalui penelitian yang dibuat, soalan-soalan tersebut mendapat peratus kekerapan kesilapan yang tinggi bukan kerana kegagalan pelajar untuk membezakan jenis kata kerja transitif atau tak transitif tetapi kerana masalah memahami penggunaan perkataan-perkataan tersebut. Walaupun pasangan kata kerja *teru* ↔ *terasu* merupakan kata kerja dalam ¹ tahap 2, kekerapan penggunaan kata kerja tersebut adalah rendah. Bagi pasangan kata kerja *okureru* ↔ *okurasu* pula, *okureru* merupakan kosa kata yang dipelajari pada tahap 2 manakala *okurasu* merupakan kosa kata tahap 1.

Memandangkan pencapaian keseluruhan tidak menunjukkan masalah dari segi penguasaan pada kategori ini di kalangan pelajar, kesimpulan yang boleh dibuat ialah kesilapan ini tidak berkaitan dengan mana-mana punca kesilapan sama ada dari aspek intralingual maupun interlingual.

¹ Istilah ‘tahap’ yang digunakan merujuk kepada piawaian yang ditetapkan dalam Peperiksaan Kecekapan Bahasa Jepun (日本語能力試験出題基準)

4.5 Penutup

Berdasarkan data-data yang diperolehi melalui ujian objektif ini, jelas didapati bahawa penguasaan kata kerja transitif dan tak transitif di kalangan pelajar AAJ masih lagi ditahap rendah. Pelajar masih menghadapi masalah untuk menguasai aspek kata kerja transitif dan tak transitif yang berpasangan. Kategori kata kerja B2 (*-reru* : *-ru*), D1 (*-u* : *-eru*), D2 (*-eru* : *-u*) mencatatkan peratus kesilapan yang paling tinggi manakala kategori kata kerja B1 (*-reru:-su*), C4 (*-iru* : *osu*), A2 (*-aru* : *-u*) menunjukkan kategori yang paling kurang menimbulkan kekeliruan pada pelajar. Sebab utama yang menyebabkan berlakunya kesilapan penggunaan kata kerja berkenaan ialah kesilapan intralingual di mana pelajar membuat generalisasi melampau, andaian konsep yang salah, kejahanan tentang peraturan bahasa atau pun penggunaan peraturan bahasa yang tidak sempurna.